

Najib Beri Kata-kata Galakan Kepada Chong Wei
Bernama
11 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak memberi kata-kata galakan kepada Datuk Lee Chong Wei yang terpaksa tunduk di peringkat akhir menentang pemain China Lin Dan di Kejohanan Dunia di Guangzhou hari Ahad.

Chong Wei mengalami kekejaman ketika ketinggalan 17-20 pada set penentu di Gymnasium Tianhe.

"Satu kebanggaan bila tewas menentang lawan yang begitu hebat. Anda telah melakukan yang terbaik Lee Chong Wei," kata Najib pada akaun Twitternya.

Sebaik saja Lin Dan mencecah mata ke-20, Chong Wei memberi isyarat yang beliau memutuskan untuk berhenti, sebelum kelak terpaksa menjalani rawatan lebih lanjut.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969336>